



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Pindaan) 1983

DR.28/1983

N. skhah S. hih—Bahasa Inggeris

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Suruhanjaya
Pelabuhan Pulau Pinang 1955.

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut :

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Pindaan) 1983 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tajuk
ringkas dan
mula ber-
kuatkuasa.

2. Seksyen 2 Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang 1955, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dengan memasukkan selepas takrif "goods" takrif yang berikut :

Pindaan
seksyen 2.
Akta 140.

"Groups A and B officers" include the category of officers as recommended in the Report of the Royal Commission on the Remunerations and Conditions of Service in Local Authorities and Statutory Authorities;".

3. Proviso kepada subseksyen (1) seksyen 18 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "officers and servants whose monthly salary exceeds five hundred dollars" dengan perkataan-perkataan "Groups A and B officers".

Pindaan
seksyen 18.

Pindaan
seksyen 21.

4. Seksyen 21 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “Chairman” dalam subseksyen (2) dan perenggan (a) subseksyen (3) dengan perkataan-perkataan “General Manager”; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan-perkataan “one hundred thousand dollars” dalam subseksyen (2) dan perenggan (a) dan (b) subseksyen (3) dengan perkataan-perkataan “two hundred and fifty thousand dollars”.

Pindaan
seksyen 22.

5. Seksyen 22 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan-perkataan “forty thousand dollars” dalam subseksyen (3) dan dalam perenggan (a) subseksyen (2) dengan perkataan-perkataan “two hundred and fifty thousand dollars”; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan-perkataan “one hundred thousand dollars” dalam perenggan (b) subseksyen (2) dengan perkataan-perkataan “five million dollars”.

Pindaan
seksyen 24.

6. Proviso kepada subseksyen (2) seksyen 24 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “twenty-one years” dengan perkataan-perkataan “a period to be prescribed by the Commission”.

Pindaan
seksyen 32.

7. Subseksyen (1) seksyen 32 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan memotong perkataan “and” di akhir perenggan (d);
- (b) dengan menggantikan koma di akhir perenggan (e) dengan koma bertitik;
- (c) dengan memasukkan perenggan yang berikut selepas perenggan (e):

“(f) interest charges on outstanding account of debtors.”.

Pindaan
seksyen 33.

8. Perenggan (h) subseksyen (1) seksyen 33 Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan-perkataan “in respect of any vessel, boat or goods”.

9. Perenggan (g) seksyen 39 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan perkataan-perkataan "or staff welfare" selepas perkataan "objects".

Pindaan
seksyen 39.

10. Seksyen 40 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

Pindaan
seksyen 40.

"(2) Monies which are not immediately required to be expended in the discharge of any of the functions of the Commission shall, if invested, be invested by the Commission in investments for the time being authorised by law for the investment of trust funds or in such other investment or security as may from time to time be approved by the Minister of Finance, or may be deposited in any financial institutions approved by the Minister."

11. Subseksyen (1) seksyen 66 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 66.

(a) dengan memotong perkataan "and" di akhir perenggan (g);

(b) dengan memasukkan perenggan (h) yang berikut selepas perenggan (g):

"(h) regulating vehicular traffic, preventing obstruction and keeping order at wharves and docks and for ensuring the safety of the wharves and docks and any cargo thereon; and";

(c) dengan menomborkan semula perenggan (h) yang sedia ada sebagai perenggan (i).

12. Seksyen 70B Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan subseksyen (1) dengan yang berikut:

Pindaan
seksyen 70B.

"(1) The Commission may, if it appears to the Commission to be necessary, require any vessel while navigating in any pilotage district or part thereof to be under pilotage, and the master or owner of the vessel shall comply with the requirement."

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan membuat pindaan-pindaan tertentu kepada Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang 1955.

2. *Fasal 1* membenarkan Menteri menetapkan tarikh mula berkuatkuasanya Rang Undang-Undang ini.

3. *Fasal 2* bertujuan meminda seksyen 2 Akta dengan memasukkan takrif "Groups A and B officers".

4. *Fasal 3* bertujuan menggantikan "officers and servants whose monthly salary exceeds five hundred dollars" dalam proviso kepada seksyen 18 (1) dengan "Groups A and B officers".

5. *Fasal 4* bertujuan meminda seksyen 21 bagi membenarkan Pengurus Besar, sebagai ganti Pengerusi, membuat dan menandatangani kontrak-kontrak tertentu. Ia juga bertujuan menambah jumlah wang yang dinyatakan dalam seksyen 21 (2) dan seksyen 21 (3) dari seratus ribu ke dua ratus lima puluh ribu ringgit.

6. *Fasal 5* bertujuan meminda seksyen 22 Akta bagi menambah jumlah wang yang dinyatakan dalamnya masing-masing dari empat puluh ribu ringgit ke dua ratus lima puluh ribu ringgit dan dari seratus ribu ringgit ke lima juta ringgit.

7. *Fasal 6* bertujuan meminda proviso kepada seksyen 24 (2) Akta bagi membenarkan pinjaman yang dibuat di bawah seksyen 24 (1) dibayar semula dalam tempoh yang akan ditetapkan oleh Suruhanjaya sebagai ganti tempoh 21 tahun.

8. *Fasal 7* bertujuan meminda seksyen 32 (1) Akta bagi memasukkan perenggan baru (f) bagi membolehkan Suruhanjaya mengenakan levi dan mengubah kadar-kadar bunga atas akaun penghutang yang belum selesai.

9. *Fasal 8* bertujuan meminda seksyen 33 (1) (h) Akta dengan memotong perkataan-perkataan "in respect of any vessel, boat or goods".

10. *Fasal 9* bertujuan meminda perenggan (g) seksyen 39 Akta bagi membolehkan apa-apa jumlah wang sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya dengan kelulusan Menteri disumbangkan untuk kebajikan kakitangan.

11. *Fasal 10* bertujuan meminda seksyen 40 Akta dengan menggantikan subseksyen (2) dengan suatu subseksyen baru.

12. *Fasal 11* bertujuan memperuntukkan suatu kawasan lain di mana Suruhanjaya boleh membuat undang-undang kecil, dengan meminda seksyen 66 (1) Akta untuk memasukkan perenggan (h) baru.

13. *Fasal 12* bertujuan menggantikan subseksyen (1) seksyen 70B Akta dengan subseksyen (1) baru. Ini akan memberi kepada Suruhanjaya budi bicara untuk mewajibkan mana-mana vesel yang belayar dalam sesuatu daerah permaliman supaya mempunyai malim. Sekarang ini, semua vesel yang beratnya dua ratus tan kasar atau lebih, melainkan jika dikecualikan, mesti mempunyai malim di atasnya semasa belayar dalam sesuatu daerah permaliman.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1238.]